

*Artikel*

**Kepimpinan Jokowi di Indonesia: Populis atau Pragmatik?**  
(*Jokowi's Leadership in Indonesia: Populist or Pragmatic?*)

Taufik<sup>1,2</sup>, Muhamad M. N. Nadzri<sup>3\*</sup> & Jamaie Hj. Hamil<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Prodi. Ilmu Hubungan Internasional, Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Pasundan  
Bandung, Jl. Lengkong Besar No.68, Bandung 40261, Indonesia

<sup>3</sup>Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [nadzri@ukm.edu.my](mailto:nadzri@ukm.edu.my)

Diserah: 02 September 2023

Diterima: 30 November 2023

**Abstrak:** Pemikiran politik boleh dijadikan salah satu panduan dalam memahami gaya dan polisi seseorang pemerintah. Kemunculan Jokowi sebagai simbol kemenangan gerakan masyarakat sivil telah menjadi fenomena dalam kebangkitan populis di Indonesia. Bagaimanapun, Jokowi bukanlah seorang pemimpin daripada legasi autoritarian Orde Baru dan juga bukan dari kalangan arus perdana yang mempunyai asas ideologi. Artikel ini memfokuskan kepada asas pemikiran dan ideologi Jokowi yang telah mempengaruhi gaya dan tindakan politik semasa beliau menjadi Presiden Indonesia. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan pelbagai sumber primer terutamanya temu bual dengan informan utama. Artikel ini membincangkan tiga perkara iaitu: pertama, Jokowi bertindak dan berkelakuan seperti khemah besar yang menggabungkan pelbagai kepentingan (termasuk yang berkonflik), sehingga menjadi seorang yang pragmatik demi pembangunan yang progresif tetapi cenderung kepada statik-nasionalisme; kedua, gaya kepimpinan Jokowi yang berkarisma dan dipengaruhi oleh sosiobudaya Jawa, sehingga mudah diterima rakyat dan menjadi populis yang “tidak rasional”; ketiga, tingkah laku dan tindakan yang diambil oleh Jokowi cenderung ke arah ortodoks agama dan budaya. Justeru, meskipun sering lantang dengan pelbagai retorik demokrasi dan pembangunan, artikel ini menghujahkan ideologi Jokowi adalah tidak jelas dan tidak konsisten kerana matlamat utamanya adalah untuk mempertahankan kepresidenannya selama mungkin, menggunakan apa juar cara.

**Kata kunci:** Jokowi; gaya kepemimpinan; tindakan politik; pragmatisme; ortodoks tersembunyi

**Abstract:** Political thoughts may serve as a guide to a ruler's style and policy. The emergence of Jokowi as a symbol of the victory of civil society movement has become a phenomenon of populist revival in Indonesia. However, Jokowi is not a leader affiliated with the New Order authoritarian regime, nor is he from the mainstream with an ideological base. This article focuses based on Jokowi's thinking and ideology that influenced his political style and actions during his presidency of Indonesia. This study was conducted using a qualitative method, particularly interviews and library research. This article explores three political moves practice by Jokowi. First, on how he acts and behaves towards a big tent approach that attempts to including the interests of various socio-political divides in Indonesia, so much so that he becomes a pragmatic person for progressive development, but with static nationalism. Second, Jokowi's charismatic leadership style is influenced by the Javanese socio-culture, so the people are much more easily accept the style though there are some “irrationalities”. Thirdly, Jokowi's behaviours and policy could also be seen as an orthodoxy, with

mixture of religious and Javanese cultures. Thus, despite of his outspoken democratic and progressive rhetoric, this article argues that Jokowi's ideology is trifling and inconsistent as his ultimate objective is to prolong his stint at the presidency, at any means necessary.

**Keywords:** Jokowi; leadership style; political action; pragmatism; stealth orthodoxy

## Pengenalan

Ramai sarjana yang menulis tentang sejarah pemikiran politik di Indonesia seperti di era yang berlaku sejak kebangkitan nasionalisme moden pada awal abad ke-20 (Feith, 1970). Di dalam era Indonesia moden, pemikiran politik di Indonesia telah berkembang dan menuju perjuangan persaingan ideologi (Bourchier & Hadiz, 2003). Untuk melihat ideologi Indonesia hari ini, perlu diteliti perkara yang berkaitan dengan masalah dan masa depan Indonesia (Fakih, 2015). Selepas Reformasi 1998, asas-asas ideologi dan pemikiran politik kelihatan muncul semula yang dimanifestasikan dalam parti politik. Justeru, apabila parti yang mempunyai asas ideologi tertentu berjaya memenangi pilihan raya dan disahkan menjadi pemerintah, dasar awam yang diambil mesti bergantung kepada idea dan pemikiran politik yang dipegang oleh mereka.

Ideologi atau pemikiran politik telah dijadikan asas kepada falsafah politik dalam mengurus dan membuat keputusan umum termasuk sebagai penentu hala tuju perjuangan bangsa dan negara. Inilah yang mendorong tokoh politik bangsa memperjuangkan Indonesia berdasarkan asas ideologi masing-masing. Namun, fahaman politik tokoh-tokoh ini telah menimbulkan persaingan dan memecahbelahkan kehidupan politik rakyat Indonesia dan pelbagai parti politik atas dasar ideologi yang mengakibatkan berlakunya konflik antara parti. Menurut Herbert Feith dan Lance Castle bahawa konflik itu berpunca daripada tradisi terutamanya Hindu-Jawa, Islam dan pengaruh Barat. Seterusnya melahirkan lima pemikiran yang telah mewarnai Indonesia semasa awal kemerdekaan iaitu: tradisionalisme Jawa, Islam, nasionalisme radikal, komunisme dan sosialisme demokrasi (Feith & Castle, 1970).

Sesetengah aktiviti dan gerakan politik dilakukan oleh parti politik ditumpukan untuk meraih simpati dan undi rakyat. Dalam keadaan ini, wujud persaingan pemikiran politik, malah sejak awal gerakan kemerdekaan lagi. Ini terjadi kerana pemikiran politik di Indonesia mempunyai tiga ciri, iaitu: 1) kecenderungan menangani masalah secara moral tetapi melupakan realiti politik yang berlaku. Pemikiran yang lahir nampaknya idealistik tetapi tidak sesuai dengan apa yang terjadi dalam masyarakat; 2) kecenderungan melihat Indonesia sebagai satu kesatuan yang kukuh, sehingga sering melupakan ciri-ciri pluralisme yang ada di dalamnya; 3) Adanya optimisme yang berlebihan, sehingga meremehkan isu-isu yang mendesak (Alfian, 1981, p. 8). Dalam hal ini, fenomena politik Indonesia selepas Reformasi telah memberikan kesan pragmatik, termasuk ketika Jokowi dan Partai Demokrasi Indonesia Perjuangan (PDIP) memenangi pemilihan presiden 2014 dan 2019. Walaupun begitu, sejak pemerintahan Suharto, corak pembangunan ekonomi Indonesia telah menunjukkan pemikiran dan tindakan yang pragmatik. Pragmatisme ini dianggap sebagai model paling berkesan dalam memajukan politik dan ekonomi rakyat, tanpa berlandaskan emosi atau ideologi semata-mata (Allison, 1969). Justeru, perpecahan sosial akibat persaingan ideologi boleh diminimumkan dengan mengambil keputusan yang pragmatik atau benar-benar bermanfaat untuk pembangunan, seperti menarik pelaburan asing dan program transmigrasi dari Jawa ke pelbagai wilayah di Indonesia untuk mempercepatkan pembangunan ekonomi.

Pragmatisme politik juga berlaku apabila Jokowi mencalonkan diri sebagai Datuk Bandar Solo pada tahun 2005: pada masa itu FX Rudiyatmo, seorang Pengurus Pimpinan Cabang (DPC) PDIP Solo dan beragama Katolik, menyedari bahawa dirinya adalah daripada kalangan minoriti, tidak populer dan memerlukan langkah pragmatik untuk memenangi pilihan raya wilayah. Jokowi bukanlah tokoh yang dilatih dari awal untuk menjadi pemimpin. Nama Jokowi mula dikenali selepas pilihan raya wilayah Solo 2010 mencapai 90% (Rejeki & Sinombor, 2010). Kejayaan ini menarik perhatian media antarabangsa dan nasional untuk terus membuat liputan mengenai kejayaan Jokowi memimpin kota Solo sehingga akhirnya menjadi tokoh populis dan menjadikan dirinya sebagai calon gabenor *Daerah Khusus Ibu Kota* (DKI) Jakarta dalam Pilihan Raya Gabenor 2012 dan Pilihan Raya Presiden 2014. Dalam Pilihan Raya Presiden 2014, apa yang

berlaku ialah persaingan populisme antara Jokowi sebagai teknokratik-populisme dan Prabowo sebagai ultra-populisme (Mietzner, 2015). Terdapat dua sebab parti politik bersikap pragmatik dalam menentukan calon pemimpin era Reformasi di Indonesia. Pertama, mencari seseorang yang mempunyai *electability* atau keupayaan kepimpinan tinggi dalam masyarakat atau bersifat populis, walaupun dia mempunyai pemahaman cetek tentang ideologi parti. Kedua, parti politik mahu merekrut beberapa orang yang mempunyai sumber kewangan untuk membiayai kempen. Menurut Wawan Mas'udi, pola atau corak ini berlaku kerana dasar *depoliticisation* kerajaan Orde Baru yang menyukarkan parti untuk melahirkan calon yang mampu memegang jawatan awam (Mas'udi, 2017). Untuk itu, artikel ini membincangkan tentang pemikiran, gaya dan karakter Jokowi ketika menjadi presiden. Ini menarik untuk dikaji kerana Jokowi sebagai sosok yang populis tidak menjalankan pentadbiran pemerintah berdasarkan ideologi atau idea tetapi bersifat pragmatik.

## Metodologi

### 1. Pendekatan Penyelidikan

Kajian ini dikembangkan dengan pendekatan kualitatif untuk melihat kepimpinan Jokowi ketika menjawat presiden di Indonesia. Pendekatan ini mengutamakan perkataan dalam kedua-dua pengumpulan dan analisis data. Pandangan sarjana dijadikan rujukan untuk mengukuhkan hujah gagasan yang dibina. Selain itu, bagi Creswell (2014, pp. 1–2) kaedah penyelidikan kualitatif dianggap sebagai proses inkuiри yang dapat memahami maksud dan meneroka masalah sosial. Proses pencarian data ialah menggunakan kedua-dua data primer dan sekunder.

### 2. Teknik Pengumpulan Data

Data primer diambil dengan melakukan temu bual secara mendalam dengan beberapa informan terutamanya ahli politik, sarjana politik, dan mantan menteri dalam kabinet Jokowi. Penyelidikan ini menggunakan kaedah temu bual berstruktur dan semi-struktur. Mengajukan soalan kepada informan untuk mendapatkan makluman tentang kajian dalam penyelidikan ini untuk mendapatkan pemahaman lebih lanjut berkaitan dengan tema penyelidikan. Kaedah ini dilakukan dengan cara temu bual bersemuka dan *zoom cloud meeting*. Dalam menentukan informan, penyelidikan ini menggunakan teknik *purposive sampling* atau memilih kriteria informan dan memilih siapa orang yang sesuai untuk menjadi informan. Dalam kes ini, kajian akan memutuskan berdasarkan kelayakan dan kaitannya dengan topik penyelidikan, status, kedudukan, pekerjaan (Neuman, 2014, p. 274). Teknik pengumpulan data *snowball sampling* juga digunakan berdasarkan hasil identifikasi, pemilihan, dan pengambilan sampel dari jaringan. Teknik bola salju ini adalah pendekatan untuk menemukan informan penting yang mempunyai banyak maklumat. Dengan teknik ini, beberapa calon informan dihubungi dan pengkaji akan meminta cadangan untuk informan yang boleh ditanya berdasarkan kriteria dan objek kajian (Neuman, 2014, pp. 274–275). Jumlah informan dalam kajian ini ialah sebelas informan yang terdiri daripada ahli parti politik sama ada menyokong atau menentang kerajaan, ahli akademik dan penyelidik, mantan menteri Jokowi, dan aktivis. Manakala data sekunder daripada pelbagai sumber seperti buku, artikel ilmiah dan media. Seterusnya, kajian ini melihat kepada Jokowi sebagai khemah besar dalam menyatukan kuasa dan kepentingan di Indonesia daripada berbagai kalangan, serta melihat gaya kepimpinannya berdasarkan corak pragmatik yang memberikan kesan kepada ortodoks tersembunyi.

### 3. Teknik Analisis Data

Kajian ini menggunakan teknik analisis kualitatif untuk menyimpulkan secara berterusan sepanjang kajian dengan mencatat secara berstruktur mengenai penjelasan penting daripada informan (Silalahi, 2012, p. 341). Data digolongkan berdasarkan tema yang relevan dan dianalisis secara tekstual untuk memahami makna dan konteks data, serta meneroka data daripada informan. Ini dilakukan untuk melihat bagaimana corak hubungan atau sebaliknya. Akhir sekali, analisis secara menyeluruh dengan memahami secara mendalam data yang ditemui dengan memahami makna yang muncul dan menjelaskan soalan kajian. Kesimpulannya ialah untuk melihat kepimpinan Presiden Jokowi sebagai seorang yang populis atau pragmatik, ialah dengan

melakukannya dalam beberapa tahap, iaitu: mengumpulkan dan membaca kajian kepustakaan; mengkategorikan isu dan konsep; menganalisis dan menuliskan hasil penyelidikan.


## Hasil dan Perbincangan

### 1. Pragmatik: Jokowi sebagai Khemah Besar

Kemunculan Jokowi dalam arena politik di Indonesia telah menjadi perhatian umum dan fenomena unik. Walaupun rekod prestasinya tidak pernah berasaskan ideologi mana pun. Kalau ada pun, cuma isu beliau berketurunan Parti Komunis Indonesia (PKI) yang sehingga kini tidak pernah dibuktikan. Jokowi lahir daripada asas ideologi dan pemikiran yang tulen sejak menjadi Datuk Bandar Solo; beliau muncul atas dorongan daripada rakan komuniti sesama ahli perniagaan perabot dan memilih PDIP sebagai wadah untuk terlibat dalam pilihan raya. Namun, dengan pengalaman yang tidak matang, pelbagai masalah Solo telah dijelaskan dan diutarakan oleh FX Rudiyatmo sebagai kader PDIP yang mempunyai pengalaman berhubung secara langsung dengan masyarakat (Informan 7, 2022). Rekod kejayaan beliau memimpin Solo membawa hasil sehingga dipilih semula sebagai Datuk Bandar Solo pada Pilihan Raya tahun 2010 dengan undian melebihi 90%. Fenomena ini menarik perhatian umum sehingga dimanfaatkan oleh elit oportunistis (Informan 1, 2022) kemudian menjadikan Jokowi perlu berdiri di atas ideologi, pemikiran politik dan kepentingan politik yang wujud dalam lingkaran kuasa terutama ketika menjadi Presiden.

Jokowi terperangkap dalam situasi dan keadaan yang memerlukannya berkelakuan pragmatik (Taufik et al., 2023, p. 339). Dalam konteks ini, kepentingan bukan datang daripada parti yang menyokong sahaja, tetapi juga daripada pemilik modal (Informan 8, 2022). Sejak Megawati menjadi ketua umum PDIP, beliau telah memberi mesej konkret bahawa setiap kader yang menjadi pegawai awam termasuk presiden adalah pegawai parti yang harus menjaga semangat dan ideologi parti tetapi Jokowi tidak melaksanakannya secara maksimal (Informan 7, 2022). Ini menunjukkan Jokowi bukanlah seorang kader yang dididik, dibesarkan, dan dipersiapkan oleh PDI-P untuk menjadi pemimpin masa depan (Informan 7, 2022). Dalam hal ini, apa yang berlaku ialah Jokowi dipengaruhi oleh beberapa pemikiran politik walaupun terdapat percanggahan. Jokowi masih mempunyai kepercayaan dan pendirian politiknya sendiri dalam menjalankan pemerintahan di tengah-tengah sistem politik majmuk Indonesia dan hal ini boleh dilihat daripada pelbagai dasar politiknya (Informan 11, 2022).

Keadaan dan dinamik pemerintahan Jokowi telah mendorong beliau untuk memainkan peranan penting sebagai khemah besar dengan menyatukan dan menggabungkan pemikiran politik; yang membawa kepada pragmatisme dan politik menampung kepentingan. Dalam konteks ini, khemah besar adalah istilah untuk menggambarkan sebuah parti politik yang mempunyai ramai pengikut daripada pelbagai latar belakang termasuk ideologi. Istilah ini juga digunakan untuk merujuk kepada dasar parti politik yang membenarkan atau menggalakkan pandangan luas di kalangan ahli mereka (Merriam Webster, 1975). Dalam hal ini, tingkah laku politik Jokowi menjadi tarikan semua corak parti (*catch all party*) dan menjadi khemah besar bagi parti gabungan, sukarelawan dan kumpulan berkepentingan untuk berada di dalamnya. Ini dilakukan supaya kepentingan kumpulan berkepentingan (*interest group*) dapat berjalan seiring dengan idea pembangunan Jokowi, terutamanya dari segi *deregulation* dan *de-bureaucratization* (Informan 10, 2022).



Rajah 1. Khemah Besar Jokowi

Sumber: Direka dan dibangunkan oleh pengarah berdasarkan kajian lapangan (2022)

Corak penyatuan yang dilakukan oleh Jokowi tidak terlepas daripada pelbagai elemen kumpulan pendesak yang menjadi oportunitis dalam menyokong beliau dalam pilihan raya Presiden 2014 dan 2019. Ini dilakukan oleh Jokowi agar program *deregulation* dan *de-bureaucratization* pembangunan, dan pemerintahannya dapat berjalan dengan baik dan stabil. Dalam konteks ini, Jokowi telah menggabungkan kepentingan parti-parti sokongan dan parti-parti yang mempunyai asas pemahaman yang sama; yang juga pragmatik, seperti memasukkan Prabowo dan Sandi iaitu seteru dalam Pilihan Raya Presiden 2019 ke dalam kabinet. Tambahan pula, Jokowi turut melibatkan kepentingan golongan elit perniagaan atau oligarki sebagai penyokong kempen (Informan 6, 2022). Jokowi dijadikan agen oleh para oligarki (Informan 3, 2022) untuk melicinkan kuasa bagi tujuan mengekalkan kekayaan. Ini dilakukan sebagai usaha untuk meminimumkan kejutan politik atau menghapuskan pembangkang kerajaan, dan juga sebagai politik “balas budi”.

Dalam proses pemerintahan dan pentadbirannya usaha beliau kelihatan bercanggah atau kontradiksi. Maksudnya, pemikiran pragmatik yang ditunjukkan oleh Jokowi telah menekankan fungsi idea dan tindakan (Adinda, 2015, p. 2). Contohnya ialah gagasan nasionalisme populis Sukarno, kini diwakili oleh PDIP yang mana Jokowi telah merancang dan mengambil dasar pengagihan sijil tanah secara percuma sebagai langkah reformasi agraria, kedaulatan makanan dan revolusi mental. Dalam konteks ini, Sukarnoisme ialah ilmu atau pemahaman tentang perjuangan yang dijalankan oleh Sukarno dan diajarkan kepada masyarakat ramai. Namun, Sukarno tidak pernah menyebut ajarannya sebagai Sukarnoisme tetapi Marhaenisme kerana pada mulanya beliau ingin menawarkan rakyat marhaen mencapai kemerdekaan dan mewujudkan masyarakat yang sejahtera (Juti, 1964:13-14). Menurut Juti (1964: 23) bahawa Sukarnoisme dibentuk berdasarkan unsur kebangsaan (*nationalism*), marhenan (*socialism*), agama (*religion*) yang menggambarkan jiwa masyarakat Indonesia secara umum. Bagaimanapun, Badan Penyokong Sukarnoime (BPS) telah dibubarkan oleh Sukarno kerana menentang Nasakom dan terdapat penglibatan imperialis yang menyamar sebagai orang yang menyokong Pancasila (*Pancasilais*) dan Sukarnois (Mortimer, 2011).

Gagasan nasionalisme populis di era Jokowi boleh wujud bersama dengan pembangunan neo-liberal (*developmental-state*) (Woo-Cumings, 1999), seperti pembangunan infrastruktur secara besar-besaran dan pelaburan asing (Informan 10, 2022). Malah, beberapa dasar pembangunan telah mengorbankan hak masyarakat sivil seperti dalam kes Wadas dan pembangunan Ibu Kota Nusantara (IKN) (Hendartyo, 2022). Jika ada kumpulan yang dianggap mengganggu dasar pembangunan atau mengganggu kestabilan pembangunan, Jokowi menggunakan instrumen negara untuk menjamin polisi ini berjalan; walaupun ia bertentangan dengan hak asasi manusia atau memudaratkan alam sekitar. Ini bermakna sejak awal Jokowi mengutamakan pembangunan ia telah mengorbankan sektor lain (Warburton, 2016). Dengan demikian, Jokowi menjadikan khemah besar bagi pelbagai pemikiran politik dalam menjalankan pemerintahannya sehingga beliau terperangkap dan bertindak bercanggah. Pun begitu, sikap dan tingkah laku pragmatik

Jokowi adalah jalan tengah yang direka sebagai strategi politik untuk mewujudkan kestabilan politik dan kerajaannya. Pragmatisme ini ditunjukkan melalui corak progresif-pragmatik dan statistik-nasionalisme.

### *Progresif-Pragmatik*

Pembangunan ekonomi dengan melibatkan pelabur asing menjadi keutamaan kerajaan Jokowi. Walaupun idea pembangunan seperti ini tidak selari dengan asas ideologi parti penyokong, seperti PDI-P; Marhaenisme atau Sukarnoisme. Jokowi percaya pembangunan infrastruktur fizikal dan bukan fizikal perlu dilaksanakan dan menjadi asas utama pembangunan masa depan Indonesia (Ditjen SDA Kementerian PUPR, 2019). Ini telah dilaksanakan semasa beliau menjadi Datuk Bandar Solo dan Gabenor DKI Jakarta. Dalam konteks ini, aktor yang terlibat dalam sistem politik Indonesia sangat majmuk sehingga menunjukkan Jokowi tidak bersendirian dalam menguruskan kerajaan. Beliau merancang penyatuan kepentingan dengan kumpulan berkepentingan atau oligarki dalam hal pengagihan dan pembahagian kuasa. Golongan oligarki ini telah menjadi struktur yang kukuh dalam sistem sosial dan piramid di Indonesia. Atas dasar ini, Jokowi perlu membina gabungan dengan banyak parti, termasuk oligarki; dan sehingga kini, oligarki masih menguasai ekonomi (Informan 11, 2022). Selain itu, pembangunan telah menjadi gagasan yang konsisten bagi Jokowi walaupun ia harus “membayar dengan harga yang sangat tinggi” iaitu dengan mengorbankan aspek penting lain.

Secara pragmatik idea pembangunan Jokowi sama dengan program pembangunan Orde Baru yang melibatkan teknokrat atau ahli ekonomi. Namun, pelaksanaan idea-idea pembangunan ini telah memberi gambaran cuba membentuk birokrasi yang cekap. Ini selaras dengan idea pembangunan yang berlaku di Asia Timur iaitu *developmental-state*; dikenali sebagai model pertumbuhan ekonomi Asia Timur (Woo-Cumings, 1999). “Pembanganisme” digunakan sebagai asas kepada idea bahawa tugas negara adalah untuk mencapai pembangunan pesat, mengejar kemunduran dari ketinggalan di belakang negara maju. Di samping itu, untuk mencapai pembangunan yang ideal, perlu ada campur tangan negara dalam kehidupan ekonomi untuk mempercepatkan pembangunan negara dan mencapai perindustrian (Leftwich, 1995). Dalam konteks ini, Jokowi telah menjalankan idea-idea pragmatik dalam membuat keputusan dan dasar ekonomi tetapi kurang peka terhadap isu politik, seperti reformasi undang-undang, rasuah dan tadbir urus yang baik. Lebih-lebih lagi, Jokowi yakin bahawa agenda reformis boleh menjelaskan kestabilan politik yang diperolehnya dengan susah payah (Warburton, 2016). Justeru, beliau kurang mengambil pendekatan progresif terhadap hak sivil dan tekanan politik atau paksaan politik.

Selain itu, Jokowi merangka dasar *deregulation* untuk mengurangkan birokrasi dan menarik pelaburan infrastruktur, serta menyelaraskan pelbagai prosedur yang dianggap menyusahkan pelabur. Dasar *de-bureaucratization* ini menghasilkan undang-undang yang kontroversi, iaitu: Undang-undang (UU) Cipta Kerja. Padahal Undang-Undang Cipta Kerja telah dinyatakan sebagai tidak berperlembagaan bersyarat oleh Mahkamah Konstitusi (MK). Akan tetapi, pada tanggal 30 Disember 2022, Jokowi mengeluarkan Peraturan Pengganti Undang-Undang (PERPU) No. 2 Tahun 2022 tentang Cipta Kerja. Walupun begitu bagi Jokowi UU ini merupakan asas utama untuk pelaburan di Indonesia (Kementerian PAN-RB, 2022). Termasuk ketika Jokowi turut berdepan untuk mengambil keputusan tidak popular dalam masyarakat seperti pemotongan subsidi bahan api (BBM) yang dianggap membebankan negara. Bagi Jokowi, pemotongan bajet subsidi ini boleh diperuntukkan kepada pembangunan infrastruktur atau dialihkan kepada sektor yang jauh lebih produktif (Widodo, 2021a). Apabila tiada dasar pembaharuan subsidi, Anggaran Pendapatan dan Belanja Negara (APBN) akan terbeban sehingga 700 trilion rupiah pada penghujung Disember 2022 (Bangun, 2022). Selain itu, Jokowi secara konsisten berorientasikan pembangunan infrastruktur bermula dari pinggir. Tujuannya menyebarkan pembangunan ekonomi seluruh wilayah di Indonesia sebagai pusat ekonomi baharu. Bagi Jokowi, idea pembangunan bukanlah pilihan popular bagi seorang pemimpin. Ini kerana ia memerlukan proses dan masa yang sangat panjang, mudah menyebabkan orang tidak sabar, terdedah kepada penderaan, malah dianggap membazir wang negara. Justeru, pilihan yang tidak popular untuk meraih populariti diambil agar manfaat infrastruktur dapat dirasai pada masa hadapan (Endah, 2018, p. 154).

### *Statik-Nasionalisme*

Idea pembangunan Jokowi menunjukkan komitmen terhadap ideologi nasionalisme walaupun terpaksa mengambil dasar yang cenderung liberal. Sejak 2015, pentadbiran Jokowi telah merangka 16 (enam belas) pakej dasar ekonomi yang menggalakkan *deregulation* dan *de-bureaucratization* industri dan pelaburan. Pakej kesembilan mengawal selia proses pembangunan infrastruktur dan pakej kesepuluh menyediakan kemudahan untuk menjalankan perniagaan di Indonesia, termasuk perlindungan untuk pelabur minoriti (Hadjanti, 2018). Dalam konteks ini, Jokowi sedar bahawa rencana infrastruktur itu memerlukan sumbangan besar daripada sektor swasta atau asing.

Dalam melaksanakan gagasan pembangunan, Jokowi berhadapan dengan dilema antara dasar ekonomi yang berorientasikan pasaran dan gagasan statik-nasionalisme. Statik kerana pentadbiran Jokowi melihat bahawa negara yang kuat dan stabil sebagai komponen yang diperlukan dalam pembangunan nasional, di mana negara menjadi “lokomotif utama” pertumbuhan ekonomi. Selain itu, pentadbiran Jokowi cenderung kepada pola nasionalis kerana kerajaan membenarkan intervensi negara atas nama meningkatkan kekuatan dan kedaulatan negara, serta mengurangkan ketergantungan kepada modal asing dan pasar antarabangsa (Chalmers, 1997, p. 27). Ini bermakna walaupun kerajaan telah mengeluarkan pakej dasar ekonomi berorientasikan pasaran liberal, ia tetap akan memberikan batasan yang melibatkan campur tangan kerajaan. Ini kerana negara telah menjalankan *double standard*. Di satu pihak, negara dianggap sebagai lokomotif utama supaya penglibatan negara sangat kuat dan stabil dalam pelbagai dasar, dan kepesatan pembangunan negara (Hill, 1994). Sebaliknya, kerajaan telah mewajarkan campur tangan dalam membina kuasa dan kedaulatan negara serta mengurangkan pergantungan kepada modal asing dan pasaran antarabangsa (Chalmers, 1997, p. 27; Warburton, 2016, p. 309). Dalam konteks ini, ia hampir sama dengan dasar yang dilaksanakan oleh Orde Baru Suharto. Salah satu contoh statik-nasionalisme ialah apabila Indonesia terpaksa mengurangkan kebergantungan kepada import (Joko Widodo, 2021b), serta mengawal semua aspek berkaitan industri hiliran dan memaksimumkan nilai tambah produk daripada bahan mentah kepada barang separuh siap, atau barang siap. Justeru—untuk menjayakan polisi berkenaan adalah menjadi kewajipan syarikat untuk mewujudkan tapak pemprosesan dan penapisan (*smelter*) (Dorimulu & Nurjoni, 2022).

## 2. Gaya Kepimpinan

Jokowi telah menerima banyak kritikan mengenai watak kepimpinannya yang cenderung autokrat dalam melaksanakan idea pembangunan (Warburton, 2016) malah tidak teragak-agak melakukan pelbagai cara untuk melaksanakan idea-idea tersebut. Sehingga beliau cenderung melakukan inovasi dan bertindak autoritarian (Mietzner, 2019) tetapi masih berada dalam koridor transformasi kerana beliau telah membuat perubahan kepada bandar Solo dan Jakarta (Perwita & Manurung, 2013). Bagaimanapun, dalam beberapa perkara berkaitan masalah yang dilihatnya sendiri, Jokowi memutuskan arahannya secara spontan (Informan 2, 2022). Namun begitu, perlu juga difahami bahawa gaya kepimpinan adalah manifestasi tingkah laku seseorang pemimpin yang mempunyai kemahiran dalam memimpin untuk mencapai matlamat bersama, dan mempunyai keunggulan supaya dia mempunyai autoriti dan kuasa untuk menggerakkan orang lain untuk mencapai matlamat organisasi (Timpe, 2003). Tingkah laku Jokowi berkait rapat dengan pemikiran pragmatik “yang penting rakyat mendapat perkhidmatan yang terbaik”. Dalam perkara ini, kajian ini mengkategorikan gaya kepimpinan Jokowi kepada tiga pendekatan utama iaitu: situasional-pragmatik, berkarisma yang banyak dipengaruhi oleh sosiobudaya.

### *Situasional-Pragmatik*

Gaya kepimpinan situasional ialah pendekatan yang menekankan situasi dan keadaan yang dihadapi oleh pemimpin. Pendekatan situasional lebih menekankan faktor kontekstual dengan andaian bahawa tiada satupun gaya kepimpinan yang sesuai dalam semua situasi. Oleh itu, ia memerlukan komunikasi dua hala supaya seseorang pemimpin dapat mengadaptasi maklumat dari bawah ke atas dan menyampaikan maklumat atau pesanan secara terus berdasarkan masalah sedia ada (*top-down*). Sebagai seorang pemimpin yang pragmatik, dasar yang diambil sentiasa bergantung kepada keadaan yang dilihat semasa turun padang. Menurut Hersey dan Blanchard bahawa gaya kepimpinan yang paling berkesan adalah dipengaruhi oleh keadaan di mana

kewujudan seseorang pemimpin itu. Keupayaan untuk memimpin sangat bergantung kepada faktor situasi, iaitu: memahami, mengenali, dan menyesuaikan diri. Berdasarkan ketiga-tiga faktor ini, seseorang pemimpin akan mengambil dasar dengan mengarah, melatih, dan mewakilkan (Hersey & Blanchard, 1982). Di samping itu, seseorang pemimpin mestilah berkebolehan mengenal pasti masalah dan menyesuaikan diri dengan sebarang masalah yang dihadapi, bergantung kepada keadaannya.

Dalam teori kontingensi, Fiedler (1976) menyatakan bahawa kepimpinan ialah satu proses di mana seseorang pemimpin itu mampu memberi pengaruh bergantung kepada situasi tugas kumpulan dan tahap gaya kepimpinan, personaliti, pendekatan yang sesuai dengan kumpulan (Fiedler, 1967). Ini menunjukkan bahawa gaya kepimpinan bukan disebabkan oleh ciri personaliti tetapi disebabkan oleh faktor situasi tertentu, juga disebabkan oleh interaksi seseorang pemimpin dan situasi. Dalam konteks ini, keputusan yang diambil oleh Jokowi cenderung kepada situasi yang dihadapinya ketika berjumpa terus kepada rakyat; dan polisi yang diambil juga spontan bergantung pada apa yang dilihatnya (Informan 2, 2022), serta berdasarkan pengalaman hidup, supaya keputusan yang diambil adalah berperikemanusiaan. Namun, apabila menjadi Datuk Bandar Solo, dasar yang digunakan oleh Jokowi bukan sahaja berdasarkan pengalamannya tetapi juga berdasarkan pengalaman Timbalan Datuk Bandar Rudyyatmo yang mula-mula menceburi politik dan memahami keadaan penduduk Solo seperti membantu golongan miskin yang tidak mampu membayar hospital, termasuk mengeluarkan polisi berkaitan peningkatan perkhidmatan awam, seperti: Bantuan Pendidikan Awam (BMPKS) Kota Surakarta, dasar ini digunakan juga di Jakarta dan Indonesia menjadi Kad Jakarta Pintar dan Kad Indonesia Pintar. Ini semua berdasarkan pengalaman selepas turun padang bersama Rudyyatmo sehingga akhirnya Jokowi terkenal dengan penjenamaan *blusukan* (dalam bahasa Jawa) atau turun padang (Informan 12, 2022).

Dalam membuat keputusan Jokowi adalah berdasarkan pemikiran yang membina atau *bottom-up*, seperti: pembangunan infrastruktur, Sumber Manusia (SDM), dan peningkatan ekonomi; semuanya berdasarkan apa yang masyarakat inginkan (Humas UII, 2013; Informan 9, 2022). Gaya turun padang Jokowi telah menunjukkan bahawa seorang pemimpin mesti menjadi hamba dan tidak menyusahkan masyarakat dengan urusan prosedur. Ini ditunjukkan dengan kewujudan dasar *deregulation* dan *de-bureaucratization* untuk memaksimumkan perkhidmatan kepada masyarakat, serta prinsip bahawa lebih cepat lebih baik (Informan 10, 2022). Meskipun begitu, gaya turun padang Jokowi mendapat kecaman daripada pelbagai golongan yang mengatakan bahawa turun kepada rakyat hanyalah imejan politik (Panuju, 2017). Namun, apa yang berlaku ialah Jokowi cuba mengambil pendekatan akar umbi dengan berdialog langsung dengan masyarakat; ini penting dalam memastikan sokongan dari bawah. Pada masa yang sama gaya pragmatisme politik di peringkat elitis dijalankan untuk keharmonian politik; pengagihan kuasa dan pengagihan sumber daya (Informan 11, 2022). Ini dibuktikan melalui kerjasama dengan pembangkang yang dianggap masih sehaluan untuk menyertai kabinet. Ini dilakukan untuk membina kekuatan politik dengan mengurangkan pembangkang, seperti menarik Gerindra sebagai pembangkang terbesar menyertai kabinet. Ini dilakukan agar program pembangunan Jokowi dapat direalisasikan tanpa sebarang campur tangan daripada pembangkang.

### Berkarisma

Seorang pemimpin berkarisma mempunyai tarikan sehingga pengikut sukar untuk menjelaskan sebab-sebab taat dan patuh mereka seolah-olah pemimpin itu mempunyai kuasa magis, dan karisma yang dimiliki benar-benar semula jadi tanpa mengira status (Gunawan, 2018). Pemimpin karismatik mahu pengikut mereka menerima pandangan pemimpin dengan sedikit atau tiada perubahan, malah mampu mencipta perubahan dalam matlamat, kepercayaan dan jangkaan orang ramai. Menurut Max Weber pengelasan autoriti berdasarkan tuntutan legitimasi wujud dalam tiga bentuk, iaitu: pertama, kewujudan autoriti tradisional, itu berdasarkan "kepercayaan yang mantap dalam kesucian tradisi kuno"; kedua, kuasa rasional atau sah, berdasarkan kesahihan peraturan dan hak mereka yang memegang jawatan bergantung kepada peraturan untuk mengeluarkan perintah; ketiga, karismatik atau autoriti peribadi, yang bergantung pada "pengabdian kepada kesucian tertentu, kepahlawanan, atau watak teladan seseorang individu, dan dari corak normatif" (Willner & Willner, 1965). Selain itu, keupayaan menyampaikan kepada pengikutnya apakah kesinambungan dalam

dirinya dengan misi yang akan dijalankan. Malah pemimpin berkarisma mempunyai tarikan kerana mereka mampu mengaitkan diri mereka dengan simbol keramat budaya(Willner & Willner, 1965).

Jokowi berbeza daripada Hitler yang berkarisma dan bercita-cita tinggi cenderung kepada sikap dan tingkah laku autoritarian (Kressel, 2002, p. 121) dan Duterte yang cenderung menjadi populis dengan dasar dan hukuman yang keras bagi orang yang melakukan jenayah (Kenny, 2018, p. 49). Jokowi lebih cenderung kepada dimensi luaran kepimpinan berkarisma dari segi hubungannya dengan penyokong dan bukannya dimensi dalaman penguasaan terhadap gerakan politik. Ini kerana PDIP kekal sebagai parti bersegmen dan klientelistik. Namun begitu, karisma Jokowi memainkan peranan penting dalam pilihan raya 2014. Walaupun ramai pengundi Indonesia ketika itu ditawarkan wang dalam pilihan raya, dan pembelian undi ini memberi kesan langsung kepada tingkah laku pegawai tempatan, apa yang berlaku ialah tiada kaitan dengan pembelian undi dan sokongan dalam pilihan raya presiden (Muhtadi, 2018). Ini bermakna bahawa kemenangan PDIP pada pilihan raya 2014 dan 2019 telah didorong oleh pemboleh ubah penting iaitu: karisma dan populariti Jokowi. Sudah tentu ini penting kerana berkemungkinan PDI-P mungkin tidak memperoleh kemenangan ketara dan menjadi pemerintah dalam kerajaan sekiranya Megawati bertanding semula. Walaupun berkarisma, Jokowi terus menerima kritikan daripada pelbagai golongan terutama ketika melaksanakan dasar pembangunan ekonomi. Beliau dianggap telah melakukan inovasi authoritarian (Mietzner, 2019) dan percanggahan (Bland, 2020), seperti melibatkan elit perniagaan dan bekas jeneral berada dalam lingkaran kuasanya. Elit perniagaan dan bekas jeneral ini adalah orang yang mempunyai sumber kewangan dan potensi politik yang boleh digunakan sebagai pengganti jentera parti (Slater, 2018).

Terdapat beberapa tingkah laku dan tindakan kerajaan sebagai satu unit di bawah arahan Presiden yang boleh mengurangkan kualiti demokrasi, malah cenderung membangkitkan autokratisasi (Taufik et al., 2023). Ini bermakna beliau dilihat kurang terhadap prinsip demokrasi. Seperti melibatkan instrumen negara dalam menyingsirkan lawan politik sebagai usaha untuk menguasai pembangkang dan membubarkan Hizbut Tahrir Indonesia (HTI) dengan mengeluarkan undang-undang Organisasi Masyarakat (Ormas) (Informan 4, 2022) yang kemudiannya diikuti dengan membubarkan Front Pembela Islam (FPI).

### *Sosio-Budaya: Solo Jawa*

Watak dan jati diri Jokowi dibina sejak kecil ketika tinggal di tebing sungai dan pasar Gilingan yang ketika itu mempunyai stigma negatif berkaitan masalah sosial di kawasan penempatan. Situasi ini memberi gambaran bahawa Jokowi mampu menangani pelbagai masalah sosial (Endah, 2018; Mas'udi & Ramadhan, 2018, pp. 41–43). Ini menunjukkan gaya kepimpinan Jokowi banyak dipengaruhi oleh pengalaman lalu sehingga beliau cenderung mengamalkan gaya kepimpinan penyertaan seperti turun padang dan mendengar terus rungutan rakyat.

Menurut Suwardi Endraswara (2013, pp. 17–18) budaya Jawa memiliki nilai-nilai kebenaran yang tercermin dalam ajaran simbolik dan cerita dalam wayang, iaitu: 1) kebenaran berlandaskan etika seperti balas budi. Dalam hal ini, ketepatan etika dilakukan oleh elit politik, termasuk Jokowi ketika mengagihkan kerusi menteri dan beberapa jawatan strategik untuk orang yang dianggap berjasa dalam memenangi pilihan raya. Oleh itu, kebenaran etika ini menjadi sesuatu budaya dalam politik Indonesia, tetapi ia menjadi sangat dilema apabila berpihak kepada orang “jahat”; 2) kebenaran dogmatik atau kebenaran yang membenarkan dogma, keyakinan atau kepercayaan. Kebenaran ini mewujudkan nilai kepahlawanan yang tinggi, tetapi boleh membawa kepada sikap atau kebenaran yang autoritarian atau paksaan. Dalam hal ini, gagasan pembangunan infrastruktur dan Projek Strategik Nasional (PSN) Jokowi dianggap sebagai pegangan yang benar untuk kesejahteraan rakyat, sehingga harus dilaksanakan dengan tegas walaupun pada akhirnya mengambil tindakan yang cenderung tidak liberal; 3) Kebenaran muktamad adalah kebenaran berdasarkan nilai-nilai yang bergelora dan universal dalam susunan kehidupan tanpa mengira dari mana nilai itu datang. Dalam hal ini, Jokowi percaya segala bentuk dasar yang diambil pasti ada pro dan kontra namun apa yang perlu dilakukan ialah pengukuhan nilai-nilai Indonesia di tengah-tengah situasi dan keadaan dunia yang semakin bersaing untuk kesejahteraan rakyat melalui infrastruktur. Ini bermakna dasar infrastruktur Jokowi adalah kepercayaan sejagat yang perlu diterima walaupun mendapat kritikan dan bantahan daripada beberapa pihak.

Dalam konteks kepimpinan, seorang pemimpin politik pastinya telah berkembang dalam sistem sosial yang berteraskan budaya. Kehidupan sosial memberi pengaruh yang besar terhadap corak pemikiran dan tingkah laku. Sebagai orang Jawa Solo, Jokowi telah menggunakan gaya politik Jawa dalam mengambil keputusan termasuk menundukkan pembangkang dengan cara yang bijak iaitu dengan bekerjasama. Walau bagaimanapun, jika ia tidak boleh bekerjasama maka pilihan terbaik ialah dibuang atau dikeluarkan (Informan 11, 2022). Ini kerana dalam prinsip kepimpinan Jawa adalah anti konflik, maka apabila berlaku perselisihan ia mesti diatasi dan perlu diatur dalam perintah yang halus (Endraswara, 2013). Sebagai contoh beberapa tokoh pembangkang yang dibawa oleh Jokowi menyertai kabinet, seperti Gerindra. Sepanjang sejarah politik Indonesia, ini merupakan kali pertama lawan dalam pilihan raya presiden berkhidmat sebagai pembantu presiden dalam kabinet menteri. Ini juga berlaku apabila FPI dan HTI dibubarkan, yang dianggap terlalu ganas dan mengganggu kestabilan politik negara. Sudah tentu tindakan seperti ini telah mengancam sistem demokrasi, malah membawa kepada kebangkitan autoritarianisme. Ini bermakna Jokowi telah memainkan dan menerapkan gaya politik lama untuk meletakkan jawatan penting dalam kabinet dan tempat strategik lain (Muhtadi, 2015; Warburton, 2016). Hal ini selaras dengan apa yang disampaikan oleh Hans Antlov dan Sven Cederroth bahawa dalam sistem demokrasi di Indonesia pemimpin negara telah menjalankan sikap halus (*kejawen/mengikuti budaya Jawa*) tetapi tetap tegar, di mana pemerintah terus menembak gas pemedih mata, tongkat kayu, dan malah bentuk keganasan yang lain apabila berhadapan dengan penunjuk perasaan (Antlov & Cederroth, 2010, pp. 10–12).

### 3. Karakter Kebijakan: Ortodoks Tersembunyi

Konfigurasi politik demokratik ialah struktur politik yang memberi kesempatan kepada orang ramai untuk mengambil bahagian dalam menentukan dasar negara. Kerajaan bertindak sebagai jawatankuasa yang melaksanakan tuntutan dan kehendak rakyat; direka secara demokratik, manakala badan perundangan dan parti politik memainkan peranan dalam menentukan dan merancang dasar negara. Walau bagaimanapun, konfigurasi politik authoritarian ialah struktur sistem politik yang membolehkan negara atau kerajaan berada dalam kedudukan yang dapat memainkan peranan aktif atau dominan dalam mengambil semua inisiatif semasa menentukan dasar awam. Negara atau kerajaan boleh campur tangan dalam menentukan dan melaksanakan dasar. Manakala badan perundangan yang terdiri daripada parti-parti politik yang dipilih oleh rakyat telah menjadi instrumen kerajaan untuk membenarkan dan menghalalkan kehendak kerajaan (Mahfud, 1999, p. 8).

Terdapat tiga penanda aras untuk melihat sama ada dasar yang diambil oleh kerajaan adalah responsif atau menindas, iaitu: asas dan orientasi polisi, pilihan program, dan pengaturan institusi (Haryati et al., 2003, p. 46). Polisi atau produk undang-undang yang diambil oleh kerajaan yang responsif adalah ciri-ciri dasar yang menampung tuntutan dan kehendak rakyat, serta mencerminkan keadilan. Dalam proses penggubalan dasar, kerajaan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan untuk memberikan input, cadangan dan kritikan secara terbuka. Manakala produk atau polisi undang-undang yang diambil adalah benar-benar terperinci sehingga tidak mungkin kerajaan membuat keputusan berdasarkan kehendak kerajaan sendiri (Mahfud, 1999, p. 8). Adapun polisi responsif ialah dasar yang turut disokong oleh birokrasi dan kerajaan yang responsif (Bryant & White, 1982). Namun, sekiranya polisi atau produk undang-undang yang diambil cenderung mengutamakan visi politik dan kehendak pihak berkuasa, maka sifat mereka adalah ortodoks. Dalam hal ini, kerajaan tidak memberi ruang kepada penyertaan orang ramai untuk mendapatkan input, cadangan, kritikan dan aspirasi. Jika ada, prosedurnya hanya formaliti. Produk undang-undang sedia ada biasanya hanya alat untuk pelaksanaan ideologi dan program kerajaan. Sementara itu, kandungan, atau bahan undang-undang cenderung hanya tertumpu pada perkara utama. Perkara seperti ini membolehkan kerajaan mentafsir sendiri kandungan produk undang-undang yang dirancang berdasarkan visi dan kehendak kerajaan, yang kemudiannya dilengkapi dengan peraturan terbitan berdasarkan tafsiran kerajaan juga (Mahfud, 1999, p. 8).

Dalam sistem demokrasi, polisi yang bersifat ortodoks boleh dilaksanakan secara tersembunyi; di mana kerajaan mengambil dasar dengan dua sikap antara responsif dan ortodoks, seperti yang dilakukan oleh rejim Orde Baru Suharto dalam merancang dasar Rencana Pembangunan Lima Tahun (Repelita) III (Haryati et al., 2003, p. 51). Dalam konteks ini, konteks pembangunan Jokowi akhirnya mempunyai dua sifat antara

responsif dan ortodoks, atau cenderung ortodoks terselindung. Contohnya adalah lahirnya Undang-undang KPK yang menjadi keutamaan Program Perundangan Negara (Prolegnas) dan ditangguhkan kerana ditolak rakyat. Undang-undang KPK berjaya diluluskan menjadi Undang-undang No. 19 tahun 2019 dan disahkan pada 17 Oktober 2019 atau tepat tiga hari sebelum pelantikan sebagai Presiden untuk penggal kedua. Selain itu, DPR berkeras untuk menyemak semula Undang-undang No. 4 tahun 2009, dan menggantikannya dengan Undang-undang Galian dan Batu arang (Minerba) No. 3 Tahun 2020. Dalam undang-undang baharu tersebut, lesen usaha perlombongan (*izin usaha pertambangan/IUP*) yang sebelumnya terletak kepada kuasa pemerintah daerah (pemda) telah dialihkan kepada kuasa pemerintah pusat. Ini menjadikan masyarakat tidak lagi dapat melakukan protes kepada pemerintah daerah jika berlaku masalah setempat atau pertikaian tanah. Lebih ironinya, jika ada pihak yang mencampuri aktiviti perlombongan, pihak syarikat boleh melaporkannya dan boleh dikenakan jenayah (tertakluk kepada undang-undang jenayah). Manakala sekiranya berlaku kerosakan alam sekitar, syarikat perlombongan boleh memilih salah satu proses pembaikan akibat kerosakan antara aktiviti penambakan atau aktiviti pasca lombong. Malah, dalam undang-undang sebelum ini syarikat dikehendaki melakukan kedua-duanya. Sudah tentu, dengan Undang-undang Batu Arang ini, syarikat boleh mengambil keuntungan sebanyak mungkin di mana pelombong boleh menambah nilai tambah kepada batu dengan royalti 0% (Walhi, 2021).

Selain itu, dalam proses penggubalan Undang-undang Mahkamah Perlembagaan (MK) yang bercorak “sistem semalam”, telah dipercepatkan dalam masa yang singkat iaitu dari 25 hingga 28 Ogos 2020. Hal ini telah memberi gambaran bahawa terdapat pertukaran kepentingan antara Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) dan MK. Sementara itu, dalam proses mereka bentuk dan mewujudkan Undang-undang Cipta Kerja, banyak pihak menganggapnya mempunyai beberapa halangan. Undang-undang itu menyandang kontroversi dan menyebabkan gelombang protes yang besar di kalangan orang ramai. Dalam konteks ini, semua undang-undang yang bermasalah digubal dan diluluskan dengan mekanisme demokrasi antara kerajaan dan DPR, tetapi sangat sedikit melibatkan penyertaan awam. Justeru, pengesahan undang-undang kontroversi ini menjadi puncak kekecewaan orang ramai, khususnya bagi mereka yang pro-demokrasi dan pejuang hak asasi manusia. Jokowi selaku presiden nampaknya tidak mempunyai masalah dengan pengesahan undang-undang walaupun berdepan kontroversi. Ini kerana dari segi politik Jokowi tidak lagi mempunyai beban politik dan bersikap populis kerana beliau bukan lagi calon Presiden.

## Kesimpulan

Pendekatan politik Jokowi telah menunjukkan bahawa asas ideologi semakin pudar dalam dimensi politik selepas Reformasi. Parti politik dan Jokowi terperangkap dalam situasi politik yang cenderung pragmatik dan transaksional. Ia memaksa Jokowi bertingkah laku dalam transaksi politik, *patron-client*, dan kartel politik, seperti pembahagian kerusi dalam kabinet atau dalam kedudukan strategik lain. Dalam konteks ini, ideologi parti dan landasan politik tidak lagi menjadi landasan utama dalam bekerjasama dan berunding. Semua pihak dan kumpulan berkepentingan yang pro kerajaan akhirnya digabungkan di bawah khemah besar Jokowi. Ini menunjukkan bahawa idea pembangunan Jokowi tidak komited kepada aliran pemikiran tertentu, tetapi beliau telah mengambil jalan pragmatik dengan menyatakan pelbagai kumpulan berkepentingan, malah golongan oligarki yang berakar umbi dalam dan luar kerajaan. Oleh itu, Jokowi secara konsisten berpegang kepada prinsip pembangunan ekonomi dengan pendekatan berkarisma dan populis tetapi tidak rasional. Beliau dilihat cenderung mengambil jalan pintas untuk menyelesaikan masalah. Walaupun pada hakikatnya ia harus bertindak mengikut keperluan khemah besar dan pragmatik, melaksanakan dasar pembangunan tetapi membawa risiko kepada kemunduran demokrasi.

**Penghargaan:** Penulis mengucapkan terima kasih kepada semua informan yang telah meluangkan masa untuk memberikan maklumat dan data berkaitan penyelidikan ini. Penyiapan kerja ini sebahagiannya ditaja oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia [FRGS/1/2020/SS0/UKM/02/3].

**Konflik Kepentingan:** Penulis mengisyiharkan bahawa penyelidikan ini bebas daripada sebarang konflik kepentingan.

## Rujukan

- Adinda, A. J. (2015). *Menelusuri pragmatisme: pengantar pada pemikiran pragmatisme dari Peirce hingga Habermas*. PT Kansius.
- Alfian. (1981). *Pemikiran dan perubahan politik Indonesia*. PT Gramedia.
- Allison, J. M. (1969). Indonesia: Year of the Pragmatists. *A Asian Survey of Asia*, 9(2), 130–137. <https://doi.org/https://doi.org/10.2307/2642312>
- Antlov, H., & Cederroth, S. (2010). *Kepemimpinan Jawa*. Yayasan Obor Indonesia.
- Bangun, L. T. (2022, September 12). *Total subsidi BBM sampai Rp 700 T, Jokowi: uangnya dari mana?* Investor.Id. <https://investor.id/business/306427/total-subsidi-bbm-sampai-rp-700-t-jokowi-uangnya-dari-mana>
- Bland, B. (2020). The man of contradictions: Joko Widodo and the struggle to remake Indonesia. In *man of contradictions: Joko Widodo and the struggle to remake Indonesia*. Lowy Institute.
- Bourchier, D., & Hadiz, V. R. (2003). *Indonesian politics and society: A reader*. Routledge.
- Bryant, C., & White, L. G. (1982). *Managing development in the third world*. Westview Press.
- Chalmers, I. (1997). Introduction. In I. Chalmers & V. R. Hadiz (Eds.), *The politics of economic development in Indonesia: contending perspectives* (pp. 1–35). Routledge.
- Creswell, J. W. (2014). Research design : qualitative, quantitative, and mixed methods approaches. In *Sage Publications*. Sage Publication, Inc.
- Ditjen SDA Kementerian PUPR. (2019, November 20). *Presiden Jokowi: ketersediaan infrastruktur menjadi pondasi indonesia menuju negara maju*. Ditjen SDA Kementerian Pekerjaan Umum Dan Perumahan Rakyat RI. <https://sda.pu.go.id/balai/bwssumatera1/article/presiden-jokowi-ketersediaan-infrastruktur-menjadi-pondasi-indonesia-menuju-negara-maju>
- Dorimulu, P., & Nurjoni. (2022, January 22). *Jokowi: hilirisasi adalah gerbang emas Indonesia*. Investor.Id. <https://investor.id/business/279156/jokowi-hilirisasi-adalah-gerbang-emas-indonesia>
- Endah, A. (2018). *Jokowi: menuju cahaya*. Tiga Serangkai.
- Endraswara, S. (2013). *Falsafah Kepemimpinan Jawa*. Penerbit NARASI.
- Fakih, F. (2015). Reading ideology in Indonesia today. *Bijdragen Tot de Taal-, Land- En Volkenkunde/Journal of the Humanities and Social Sciences of Southeast Asia*, 171(2–3), 347–363. <https://doi.org/https://doi.org/10.1163/22134379-17102007>
- Feith, H. (1970). Introduction. In H. Feith & L. Castle (Eds.), *Indonesian Political Thinking 1945-1965* (pp. 1–24). Cornell University Press.
- Feith, H., & Castle, L. (1970). *Indonesian political thinking 1945-1965*. Cornell University Press.
- Fiedler, F. E. (1967). *A theory of leadership effectiveness*. McGraw-Hill.
- Gunawan, I. (2018). *Kepemimpinan pendidikan: suatu pengantar*. Universitas Negeri Malang.
- Hardjanti, R. (2018, November 16). *Daftar lengkap paket kebijakan ekonomi jilid i hingga XVI, cek di sini*. Oke Finance. <https://economy.okezone.com/read/2018/11/16/20/1978661/daftar-lengkap-paket-kebijakan-ekonomi-jilid-i-hingga-xvi-cek-di-sini>
- Haryati, E., Nasikun, J., & Tjokrowinoto, M. (2003). Konfigurasi Politik, Karakter Kebijakan, dan Penanggulangan Kemiskinan. *Wacana Kinerja*, 6(4), 43–56. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.31845/jwk.v6i4.517>
- Hendartyo, M. (2022, February 10). *Insiden Wadas di pembangunan bendungan bener, proyek tetap lanjut?* Tempo.Co. <https://fokus,tempo.co/read/1559554/insiden-wadas-di-pembangunan-bendungan-bener-proyek-tetap-lanjut>
- Hersey, P., & Blanchard, K. H. (1982). *Management of organizational behavior: utilizing human resources* (4th ed.). Prentice Hall.
- Hill, H. (1994). The economy. In H. Hill (Ed.), *Indonesia's new order: the dynamics of socio-economic transformation* (pp. 54–122). Honolulu. <https://www.jstor.org/stable/40860516>

- Humas UII. (2013). *Jokowi Bicara Kepemimpinan - Kampus UII*. Youtube. <https://www.youtube.com/watch?v=jqEYZbhmYfI>
- Juti. (1964). *Beladjar memahami sukarno-isme*. B.P. Lontarsari.
- Kementerian PAN-RB. (2022, March 23). *Fondasi semakin baik, Presiden Jokowi Optimistis ekonomi indonesia 2022 tumbuh lebih baik*. Kementerian Pendayagunaan Aparatur Negara Dan Reformasi Birokrasi. <https://www.menpan.go.id/site/berita-terkini/dari-istana/fondasi-semakin-baik-presiden-jokowi-optimistis-ekonomi-indonesia-2022-tumbuh-lebih-baik>
- Kenny, P. D. (2018). *Populism in Southeast Asia*. Cambridge University Press.
- Kressel, N. J. (2002). *Mass hate: the global rise of genocide and terror*. Westview Press.
- Leftwich, A. (1995). Bringing politics back in: towards a model of the developmental state. *Journal of Development Studies*, 31(3), 400–427. [https://doi.org/https://doi.org/10.1080/00220389508422370](https://doi.org/10.1080/00220389508422370)
- Mahfud, Moch. M. (1999). *Hukum dan pilar-pilar demokrasi*. Gama Media.
- Mas'udi, W. (2017). *Creating legitimacy in decentralized Indonesia : Joko "Jokowi" Widodo's path to legitimacy in Solo, 2005-2012* [Dissertation, The University of Melbroune]. <https://minerva-access.unimelb.edu.au/items/f792270f-5df4-5e88-98a4-bc7b13abba3c>
- Mas'udi, W., & Ramadhan, A. (2018). *Jokowi: dari Bantaran Kalianyar ke Istana - mobilitas vertikal keluarga Jawa*. PT Gramedia Pustaka Utama.
- Merriam Webster. (1975). *Big tent*. Merriam-Webster. [https://www.merriam-webster.com/dictionary/big\\_tent#h1](https://www.merriam-webster.com/dictionary/big_tent#h1)
- Mietzner, M. (2015). *Reinventing Asian populism: Jokowi's rise, democracy, and political contestation in indonesia*. East-West Center.
- Mietzner, M. (2019). Authoritarian innovations in Indonesia: electoral narrowing, identity politics and executive illiberalism. *Democratization*, 27(6), 1021–1036. <https://doi.org/10.1080/13510347.2019.1704266>
- Mortimer, R. (2011). *Indonesian Communism under Sukarno: ideologi dan politik 1959-1965*. Pustaka Pelajar.
- Muhtadi, B. (2015). Indonesian politics in 2015 Jokowi's first year: a weak president caught. *Bulletin of Indonesian Economic Studies*, 51(3), 349–368.
- Muhtadi, B. (2018). *Buying votes in Indonesia: Partisans, personal networks, and winning margins* [Dissertations]. Australian National University.
- Neuman, W. L. (2014). *Social research methods: qualitative and quantitative approaches* (Seventh Ed). Pearson Education Limited.
- Panuju, R. (2017). Komunikasi politik Jokowi: antara pencitraan dan jejaring politik. *Jurnal Komunikatif*, 6(2), 92–105. [https://doi.org/https://doi.org/10.33508/jk.v6i2.1709](https://doi.org/10.33508/jk.v6i2.1709)
- Perwita, A. A. B., & Manurung, H. (2013). Kepemimpinan transformasional Joko Widodo menuju dinamika masa depan pertumbuhan Jakarta. *Bina Widya*, 24(3), 11–122. [http://library.upnvj.ac.id/pdf/artikel/Majalah\\_Ilmiah\\_UPN/bw-vol24-no3-apr2013/111-122.pdf](http://library.upnvj.ac.id/pdf/artikel/Majalah_Ilmiah_UPN/bw-vol24-no3-apr2013/111-122.pdf)
- Rejeki, S., & Sinombor, S. H. (2010, May 21). *Kemenangan fenomenal Jokowi-Rudy*. Kompas.Com. <https://regional.kompas.com/read/2010/05/21/03402631/Kemenangan.Fenomenal.Jokowi-Rudy.?page=all#page2>
- Silalahi, U. (2012). *Metode penelitian sosial*. PT. Refika Aditama.
- Slater, D. (2018). Party cartelization, Indonesian-style: presidential power sharing and the contingency of democratic opposition. *Journal of East Asian Studies*, 18(1), 23–46. <https://doi.org/10.1017/jea.2017.26>
- Taufik, Nadzri, M. M. N., & Hamil, J. Hj. (2023). Declining democracy: autocratization in Indonesia during the Jokowi years. *Otoritas: Jurnal Ilmu Pemerintahan*, 13(2), 333–351. <https://doi.org/https://doi.org/10.26618/ojip.v12i2.9277>
- Timpe, A. D. (2003). *Seri manajemen sumber daya manusia: kinerja*. Elex Media Komputindo.
- Walhi. (2021, August 23). *Menyoal 4 masalah UU Minerba yang merugikan masyarakat luas*. Walhi.or.Id. <https://www.walhi.or.id/mensoyal-4-masalah-uu-minerba-yang-merugikan-masyarakat-luas>

- Warburton, E. (2016). Jokowi and the new developmentalism. *Bulletin of Indonesian Economic Studies*, 52(3), 297–320. <https://doi.org/10.1080/00074918.2016.1249262>
- Widodo, J. (2021a). Arahan Presiden RI Joko Widodo pada penerimaan peserta program pendidikan reguler LEMHANAS, Di Istana Negara, Jakarta, 18 November 2014. In .A.A. G. N. Ari Dwipayana & S. Rinakit (Eds.), *Jokowi Anti-Mager Untuk Indonesia Maju: Pidato Pilihan 2014-2019* (pp. 2–17). Penerbit Buku Kompas.
- Widodo, J. (2021b). Sambutan Presiden Joko Widodo pada acara penyerahan traktor kepada perwakilan kelompok tani Jawa Tengah, Di Desa Sonorejo, Kabupaten Sukoharjo, Jateng, 31 Januari 2015. In A. A. G. N. A. Dwipayana & S. Rinakit (Eds.), *Jokowi Anti-Mager Untuk Indonesia Maju: Pidato Pilihan 2014-2019* (pp. 48–51). Penerbit Buku Kompas.
- Willner, A. R., & Willner, D. (1965). The rise and role of charismatic leaders,. *The Annals of the American Academy of Political and Social Science*, 358(New Nation: The Problem of Political Development), 77–88. [https://www.jstor.org/stable/1036358?seq=1&cid=pdf-reference#references\\_tab\\_contents](https://www.jstor.org/stable/1036358?seq=1&cid=pdf-reference#references_tab_contents)
- Woo-Cumings, M. (1999). *The Developmental State*. Cornell University Press.